



## Rafidah janji dapatkan peruntukan

**MENTERI** Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz menyampaikan piala kemenangan kepada johan musabqah membaca Al-Quran bahagian kanak-kanak anjuran Pergerakan Wanita

UMNO Selayang, adik Razlan Abdullah di Gombak Setia dekat Kuala Lumpur semalam.

Adik Razlan beserta johan bahagian syarahan dan nasyid akan mewakili kawasan Selayang dalam pertandingan

peringkat negeri yang akan berlangsung pada 27 Disember ini.

Datin Paduka Rafidah yang juga Ahli Parlimen kawasan itu, berjanji mendapatkan peruntukan sewajarnya dalam usaha mengadakan

kelas membaca Al-Quran khusus di kawasanya. Langkah ini adalah untuk mencungkil dan mengasah bakat-bakat yang ada di situ dan kemudian diketengahkan di peringkat lebih tinggi. — Gambar Berita Harian.